



**PENAMBAHBAIKAN SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**PENAMBAHBAIKAN**

3. Apakah subsektor, aktiviti dan siapa yang dibenarkan terlibat dengan kelonggaran di sektor perladangan dan komoditi?

**KAYU-KAYAN**

- (i) Aktiviti pemprosesan industri kayu-kayan melibatkan konsainmen sebagaimana dalam kontrak sedia ada sahaja tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- (a) Permohonan lesen hanya akan dipertimbangkan menerusi sistem online Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB);
  - (b) Permohonan akan dipertimbangkan secara *case by case-basis* dengan mengemukakan dokumen kontrak yang terlibat; dan
  - (c) Pihak yang terlibat perlu mengemukakan senarai pekerja yang terlibat kepada MTIB semasa tempoh ini dan memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke kilang/premis.

Perakuan aktiviti yang melibatkan sektor sawit akan dikawal selia pelaksanaannya oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), manakala bagi sektor getah oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM). Bagi sektor perkayuan, semua permohonan syarikat perlu dikemukakan kepada Lembaga Perindustrian Perkayuan Malaysia (MTIB) untuk pertimbangan Jawatankuasa Khas Permohonan Pengecualian Industri.

Aktiviti pemprosesan bagi sektor kayu kayan dan sektor sawit ini perlu dihadkan dalam tempoh waktu kerja yang diperlukan sahaja.

Para majikan dan pengusaha juga perlu memastikan langkah-langkah pencegahan wabak yang sewajarnya diambil termasuk *social distancing*, menggunakan sabun dan *hand sanitizer* bagi membersihkan tangan, serta

sentiasa memastikan para pekerja segera pulang ke rumah apabila aktiviti pemprosesan ini telah diselesaikan.

**KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
**21 MAC 2020**